

Hubungan diplomatik dipererat

KUALA LUMPUR 5 Mei - Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Mossili menyifatkan penubuhan kedutaan negara itu di Malaysia merupakan langkah terbaik dalam usaha mengeratkan lagi hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

Menurut Mosisili, ini kerana sejak 30 tahun lalu, Malaysia dan Lesotho sering berkongsi pandangan dan pengalaman terutama dalam isu kepentingan komuniti antarabangsa dan pembangunan negara.

Kata beliau, selain itu, pihaknya juga bekerjasama dengan Malaysia bagi mempromosikan Kerjasama Selatan-Selatan dalam menggalakkan penyaluran teknologi yang bertujuan memantapkan pembangunan ekonomi di kalangan negara yang sedang membangun.

"Sehubungan itu, kerajaan Lesotho telah menubuhkan kedutaan di Kuala Lumpur pada 2008 bagi menyuburkan lagi perpaduan dan kerjasama dengan Malaysia," katanya ketika berucap dalam Majlis Perasmian Kedutaan Lesotho di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Luar, Senator A. Kohilan Pillay dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar.

Dalam pada itu, Mosisili berkata, beliau juga menyasarkan kerjasama di dalam bidang pendidikan, pelancongan dan pelaburan dengan kerajaan Malaysia.